

“KEDAH SEJAHTERA”

BEND20120920-KB2475

20 September 2012

PEKELILING BENDAHARI BIL 11/2012

Semua Penolong Naib Canselor/Ketua Jabatan/Pengarah

Yg.Berbahagia Dato’/Prof./Tuan/Puan

SKIM BIASISWA PRA SISWAZAH KEPADA PELAJAR ANTARABANGSA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke-80 Bil.4/2012 bertarikh 26 Julai 2012 telah meluluskan Skim Biasiswa untuk pelajar antarabangsa (Pra Siswazah) dengan syarat-syarat seperti berikut :

1. Skim ini terbuka kepada semua pelajar antarabangsa terutamanya yang beragama Islam dan menetap di negara muslim yang tidak stabil politik.
2. Nilai biasiswa tertakluk kepada kategori seperti berikut :


PERKARA	KATEGORI 1	KATEGORI 2
a) Nilai Tajaan	RM10,000 setahun dengan jumlah maksima RM40,000	RM7,500 setahun dengan jumlah maksima RM30,000
b) Tempoh	Maksimum empat (4) tahun	Maksimum empat (4) tahun
c) Bilangan calon	10 orang setahun	10 orang setahun
d) Syarat pencapaian akademik	Mendapat CGPA 3.3 dan keatas	Mendapat CGPA 3.0 dan keatas
e) Latar belakang ekonomi keluarga	Tiada syarat	Keluarga miskin

3. Permohonan awal, kaedah pemilihan dan penilaian tahap kemiskinan akan dibuat oleh CIAC.
4. Kelulusan dibuat oleh Jawatankuasa yang dianggotai oleh :
 - i. Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (A&A)
 - ii. Ahli : Wakil HEP
: Wakil dari Pusat Pengajian
 - iii. Setiausaha : Pengarah HEA

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah,


(HAJI AMRON B MAN)
Bendahari
Universiti Utara Malaysia

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Edaran